

(Pejabat Canselori dan Hubungan Antarabangsa)

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)
 Hari/Tarikh: 2/8/2017
 Muka surat: 6

Tajuk : UBS realisasi visi perkasa pendidikan, latihan pembelajaran sepanjang hayat

UBS realisasi visi perkasa pendidikan, latihan pembelajaran sepanjang hayat

KOTA SAMARAHAN: Penubuhan UNIMAS Business School (UBS) adalah langkah proaktif dilakukan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) untuk merealisasikan visi memperkasakan pendidikan dan latihan pembelajaran sepanjang hayat sehingga ke peringkat antarabangsa.

Pemangku Dekan UBS Profesor Madya Dr Puah Chin Hong berkata ini kerana UBS akan memainkan peranan penting dalam memperkasakan pendidikan, pengetahuan dan kemahiran dengan menawarkan kursus pembelajaran sepanjang hayat sama ada dalam bentuk formal seperti program sarjana muda mahupun sarjana secara kerja kursus.

Selain itu, katanya ia juga menawarkan kursus pembelajaran sepanjang hayat dalam bentuk tidak formal seperti kursus jangka pendek dan kursus kompetensi kepada individu, komuniti, industri dan profesional yang ditawarkan oleh Professional Continuous Excellent Learning (ProCEL), satu unit di bawah UBS.

“Sebagai sebuah organisasi yang berprestij dan unik, UBS amat berdedikasi dalam memberi pendidikan dan latihan pembelajaran sepanjang hayat yang berkualiti kepada golongan industri, komuniti dan individu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis



SIJIL: Kadim (kanan) menyampaikan sijil kepada salah seorang pelatih program Train the Trainer ProCEL sambil disaksikan Puah (kiri).

Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) di antara UNIMAS Holdings Sdn Bhd, Asiamet (M) Sdn Bhd dan UNIMAS di Rumah Universiti, UNIAMS di sini semalam.

Menurut Puah, walaupun penubuhan UBS masih baharu, namun pencapaiannya setakat ini agak memberangsangkan.

Katanya, UBS telah menjalinkan kerjasama dengan banyak pihak seperti GEM Consultancy Sdn Bhd, My-Prodigy, Malaysian Employers Federation's (MEF) Academy, Oxford Consulting & Education Group (OCEG), Videv Consulting, Cadd Cen-

tre, MRS Management dan banyak lagi.

Tambah beliau, selain di kampus utama di sini, UNIMAS turut menyediakan pusat pembelajaran di tempat lain seperti di Sibu, Miri, Kota Kinabalu, Kuala Lumpur, Ipoh dan Kota Bharu.

“Kerjasama dengan pihak luar serta penubuhan pusat pembelajaran di luar kampus Kota Samarahan secara tidak langsung memberi peluang kepada masyarakat untuk mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan secara lebih fleksibel serta kos yang lebih rendah,” katanya.

Hadir sama Naib Canselor

UNIMAS Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Profesor Dr Wan Hashim Wan Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Profesor Dr Kopli Bujang, Pemangku Pengurus Besar UNIMAS Holdings Sdn Bhd Ang Chee Hon, Pengarah Eksekutif Asiamet (M) Sdn Bhd Subramanian Ammalay dan Ketua Pegawai Eksekutif Kolej Asia Metropolitan Cawangan Kota Bharu Ahmad Nazir Abdullah.